

21/03/2005

Mahathir-Fellow

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH FELLOW KEHORMAT IKMAL

PUTRAJAYA, 20 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad malam ini menerima anugerah Fellow Kehormat daripada Institut Kelautan Malaysia (Ikmal).

Anugerah sebagai menghargai jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada industri maritim itu disampaikan pada satu jamuan malam yang turut dihadiri Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyatakan terima kasih kepada Ikmal terhadap anugerah itu.

"Saya bukannya pelaut tetapi adalah sedikit pengalaman...tetapi apa yang saya tahu ialah aktiviti maritim kini sangat penting kerana ia boleh membangun atau menjatuhkan sesebuah negara," katanya.

Katanya, beliau berbangga kerana negara ini kini mempunyai lebih 50 buah pelabuhan dan sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maritim.

Kebanyakan perdagangannya yang kini bernilai RM200 bilion diangkut dengan kapal, katanya.

Dr Mahathir yakin badan profesional maritim seperti Ikmal boleh memainkan peranan penting menyumbang kepada industri maritim dengan memberi pandangan dan kerjasama kepada badan-badan lain di Malaysia dan luar negeri.

"(Ini penting) dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020, industri maritim juga perlu berkembang maju," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan lebih 50 buah pelabuhan, saingan sememangnya boleh membawa kesan positif tetapi kerjasama juga penting agar tidak berlaku pertindihan.

Beliau yakin pelabuhan-pelabuhan tempatan mempunyai kapasiti untuk berkembang dan menyaingi pelabuhan negara-negara jiran.

"Kita mempunyai kelebihan dengan daerah pedalaman, tanah yang luas serta industri sokongan, pembuatan dan pemprosesan selain kos buruh yang murah...tetapi kita mesti membangunkan pengurusan ke tahap kecekapan yang tinggi dengan menggunakan teknik-teknik terbaru," tambahnya.

-- BERNAMA

RIZ MOZ